

# Ceritera Kerjaya Anak Seni Tanah Air Biografi Dato' Sri Eizlan Yusof.

Izza Maisara Mohd Kamal<sup>1</sup>, Kamilia Karmila Kamarulariffin<sup>2</sup>, Noor Rahmawati Alias<sup>3\*</sup>, Siti Aishah Mokhtar<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; izzamaisaramk@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; kamiliakarmila00@gmail.com;

<sup>3</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343

<sup>4</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  0009-0005-8916-0856

\* Correspondence: rahmawati@uitm.edu.my; +60133595939.

**Abstrak:** Kajian ini berkaitan seorang tokoh seni lakonan tanah air yang menjadi sebutan ramai bermula sekitar tahun 1990-an sehingga kini. Dato' Sri Eizlan Yusof merupakan artis veteran yang bermula dengan bidang peragaan, seterusnya mencipta nama dalam bidang lakonan sebagai pelakon, penerbit dan pengarah drama dan filem di Malaysia. Beliau bukan sahaja mencipta nama dalam arena seni tanah air, bahkan telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian sejarah lisan bagi pengumpulan data primer secara langsung daripada tokoh di samping kajian literatur melibatkan bahan-bahan informasi sekunder bagi melengkapkan hasil kajian. Objektif utama kajian ini adalah bagi meneliti tiga isu utama iaitu mengetahui latar belakang peribadi tokoh, mengkaji penglibatan tokoh dalam dunia seni tanah air dan seterusnya mengenal pasti pencapaian dan cabaran yang dihadapi oleh tokoh dalam bidang seni. Hasil kajian dapat menambahkan sumber rujukan para penyelidik kepada bahan informasi berkenaan pengalaman dan sumbangan serta aktiviti seni artis veteran tanah air.

Kata kunci: Eizlan Yusof, artis, anak seni, sejarah lisan, lakonan.

DOI: 10.5281/zenodo.15393391



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Sejarah lisan adalah kaedah di mana kenangan seseorang tokoh telah dicatatkan dalam suatu wawancara. Tokoh yang terpilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbangkan maklumat sejarah dari segi penglibatan dan pengalaman mereka sendiri, atau kerana hubungan langsung mereka dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperoleh dari wawancara kemudian disalin dan setelah selesai disemak dan ditaip ianya boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Tujuan aktiviti sejarah lisan ini adalah bagi mendokumenkan sumber asal sejarah atau untuk mendokumentasikan tradisi dan budaya lisan yang mungkin akan hilang. Sumber-sumber ini sebaik sahaja diwujudkan akan dapat membantu penyelidik tempatan mahupun luar negara dalam bidang penyelidikan utama mereka tanpa perlu merujuk kepada subjek mereka (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2025).

Kajian ini telah menggunakan teknik sejarah lisan di samping rujukan bahan informasi sekunder bagi menghasilkan penulisan berkenaan tokoh seni veteran tanah air iaitu Dato' Sri Eizlan

Yusof atau nama sebenar beliau Idris Bin Md Yusof. Seniman terkenal ini merupakan seorang pelakon, penerbit, pengarah drama dan filem terkenal di Malaysia dan beliau juga merupakan seorang ahli perniagaan. Kajian ini memfokuskan kepada kajian latar belakang peribadi, penglibatan dalam dunia seni, pencapaian dan cabaran yang beliau hadapi sebagai penggiat seni. Kajian ini dijalankan untuk memberi pengetahuan kepada generasi muda tentang jasa dan sumbangan Dato' Sri Eizlan serta ilmu dan pengalaman beliau yang boleh dijadikan inspirasi dan pedoman kepada semua.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Isu yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah berkaitan dengan artis veteran tanah air di Malaysia yang semakin kurang dikenali oleh generasi muda. Tokoh seniman ini yang mula mencipta nama dalam bidang peragaan pada tahun 1980-an dan namanya mula meniti di bibir peminat seni pada sekitar tahun 1990-an semakin dilupakan oleh generasi muda yang lebih terdedah dengan hasil seni artis-artis yang lebih muda. Informasi berkaitan artis veteran di Malaysia lebih mendapat liputan dalam media-media hiburan, dengan jumlah yang sedikit dalam penulisan akademik. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat membantu menonjolkan nama artis veteran yang telah mewarnai dunia seni tanah air bagi rujukan para penyelidik tanah air dan luar negara dengan sumber informasi primer dan sekunder.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama kajian penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengetahui tentang latar belakang kehidupan Dato' Sri Eizlan Yusof sebagai seorang penggiat seni tanah air iaitu pelakon, penerbit dan pengarah drama dan filem di Malaysia. Berikut adalah objektif kajian sebagaimana berikut:

- i. Mengkaji tentang latar belakang peribadi tokoh veteran iaitu Dato' Sri Eizlan Yusof.
- ii. Menganalisis tentang penglibatan Dato' Sri Eizlan Yusof sebagai anak seni.
- iii. Mengenalpasti pencapaian dan cabaran tokoh dalam bidang seni lakonan.

## **4. PERSOALAN KAJIAN**

Bagaimanakah kehidupan tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof, sebagai seorang penggiat seni lakonan. Berikut adalah persoalan kajian:

- i. Bagaimana latar belakang peribadi tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof?
- ii. Sejauh manakah penglibatan Dato' Sri Eizlan Yusof dalam dunia seni?
- iii. Apakah pencapaian dan cabaran tokoh dalam bidang seni lakonan?

## **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk menambahkan koleksi-koleksi sumber primer tentang industri lakonan. Hal ini adalah kerana kurangnya aktiviti pendokumentasian yang melibatkan warisan seni lakonan di negara kita. Kebanyakannya sumber bertulis yang ditulis tidak menyeluruh dan hanya mencatat apa yang difikirkan perlu sahaja sedangkan ianya perlu dicatat selengkap peristiwa tersebut. Selain itu, kepentingan kajian ini adalah untuk mengenali secara lebih dekat artis veteran iaitu Dato' Sri Eizlan Yusof yang merupakan seorang pengarah, penerbit dan pelakon dalam drama dan filem TV. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi perkongsian

tentang sumbangan Dato' Sri Eizlan Yusof dalam dunia seni tanah air yang banyak memberi jasa kepada industry filem tanah air. Beliau juga bergiat aktif dalam aktiviti luar antaranya ialah Humanitarian Aid Mission to Palu, Central Sulawesi (Indonesia). Kajian ini mampu memberi manfaat kepada masyarakat untuk terus mengenali dan tidak melupakan artis veteran yang banyak memberi sumbangan kepada industri filem di Malaysia.

Di Malaysia, pemeliharaan dan pemuliharaan sumber sejarah yang sedia ada sangat penting untuk mengekalkan kualiti sejarah warisan tersebut. Oleh itu, ianya penting untuk mengambil apa jua keterangan bertulis supaya boleh dijadikan sebagai sumber sejarah di negara kita dan seterusnya didedahkan kepada generasi akan datang agar mereka dapat mengetahui dan memahami apa yang terjadi dan mengapa ianya terjadi.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Sejarah lisan merupakan salah satu teknik pengumpulan maklumat daripada seseorang yang berkaitan dengan sesuatu fakta sejarah, dengan menggunakan proses-proses tertentu, bermula dengan proses temu bual atau wawancara tokoh tertentu menggunakan alat rakaman, kemudian proses pengumpulan, menyalin semula, menyunting, menyusun, menerbitkan dan menyimpan rakaman atau dokumentasi sejarah yang telah dibuat. Proses-proses ini perlu diaplikasi dengan sebaik mungkin bagi memastikan rakaman temu bual dan transkrip (hasil daripada suntingan dan penyusunan maklumat dalam rakaman) adalah tepat dan tiada percanggahan maklumat dalam kedua sumber maklumat ini bagi penulisan dan penerbitan bahan sejarah (Haron, 1979).

Seow (2020) berpendapat kajian sejarah lisan adalah sangat menarik kerana setiap pengkaji yang menggunakan teknik sejarah lisan akan mendapat pelbagai pengalaman baharu hasil daripada proses pengumpulan maklumat daripada pelbagai personaliti manusia. Pengkaji akan dapat melihat sejarah daripada sudut yang berbagai kerana bidang kajian ini boleh merangkumi pelbagai golongan masyarakat daripada warga biasa kepada pemimpin sesuatu bidang kerjaya atau tokoh sesuatu profesion serta pemimpin negara.

Kajian ini menggunakan teknik sejarah lisan bagi pengumpulan maklumat primer dan analisa dokumen dalam bentuk sumber maklumat sekunder bagi menghasilkan satu kajian yang menarik dan menyeluruh berkenaan tokoh seni tanah air yang banyak berkecimpung dalam dunia perfileman. Filem dikatakan merujuk kepada satu wadah dan alat berhubung mengenai hal ehwal yang berkaitan dengan keperluan awam dan isu masyarakat. Filem juga adalah medium elektronik bergambar yang mula-mula diperkenalkan kepada masyarakat sebelum terciptanya televisyen. Filem berbeza dengan radio yang hanya mengandungi audio, kerana filem dapat menyampaikan sesuatu mesej dengan gabungan audio dan gambar (Haja Mohaideen & Abu Bakar, 2018).

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) mendefinisikan seniman sebagai mereka yang mempunyai bakat seni, mampu mencipta hasil seni serta dapat mempersembhkan hasil seninya untuk dikongsi kepada orang lain. Seniman boleh merangkumi pelukis, penyair, penyanyi, dan sebagainya. Seniman juga merujuk kepada bintang filem lelaki yg telah lama melibatkan diri dlm perfileman dan telah mencapai tahap kemahiran yang tertentu seperti Mustafa Maarof dan juga Allahyarham P.Ramlee yang dikenali sebagai seniman agung menunjukkan kedudukan beliau yang tinggi dalam bidang seni. Pada sekitar tahun 1980-an, istilah seniman dan seniwati telah mula digantikan dengan istilah artis yang diambil daripada Bahasa Inggeris. Perkataan artis membawa banyak maksud, iaitu pelakon, penari, penyanyi atau pemuzik dan pelukis (Educalingo, 2025).

Tokoh seni atau artis dalam kajian ini iaitu Dato' Sri Eidzlan Yusof telah mendapat banyak liputan berita dalam majalah-majalah hiburan serta akhbar tempatan. Beliau bukan sahaja merupakan seorang pelakon, penerbit serta pengarah filem yang popular dan aktif, bahkan beliau juga terlibat dalam pengurusan industri perfileman di Malaysia. Beliau telah mendapat banyak anugerah sepanjang tempoh kerjaya seni di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Gempak, 2019). Beliau yang dulunya semasa remaja pernah menjadi finalis Hero Remaja pada tahun 1993/94, sekarang merupakan salah seorang ahli Lembaga pengarah bagi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan juga sebagai Pengerusi Jawatankuasa Skim Wajib Tayang FINAS. Beliau juga turut memegang portfolio Jawatankuasa Hal Ehwal Warga Industri, Kebajikan dan Data Industri FINAS (Bernama, 2021; Daud, 2020).

Industri perfileman dilihat sangat penting dalam menyumbang kepada pendapatan negara, bukan hanya sekadar untuk hiburan semata-mata. Industri perfileman juga merupakan salah satu aspek penting dalam masyarakat moden, yang tidak hanya menghibur tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej, budaya, dan pandangan dunia (Tengku Adrian Ismail, 2024). Di dalam menghasilkan sebuah filem yang bermutu tinggi, memerlukan kepada tenaga kerja yang berkemahiran, berbakat, mampu memberi komitmen yang tinggi dan sebagainya. Sebagai sebuah industri kreatif, industri filem seharusnya sentiasa diberikan perhatian untuk proses penambahbaikan bagi meningkatkan lagi mutu penghasilan filem tanah air.

## 7. METODOLOGI

### 7.1 Pendekatan Kajian

Kaedah penyelidikan sejarah lisan adalah dilakukan secara temubual serta analisa dokumen dan maklumat. Tokoh yang dipilih menetapkan tarikh dan masa bagi menjalankan temubual iaitu pada 4 Julai 2022, jam 10 malam. Kaedah dilakukan secara atas talian dan menggunakan platform *Google Meet*. Temubual dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai latar belakang dan kerjaya tokoh dalam industri seni. Soalan-soalan ditanyakan semasa temubual berlangsung. Terdapat 128 soalan yang merangkumi beberapa bahagian dan majoriti soalan tersebut adalah berkaitan pengalaman tokoh dalam industri seni. Selain itu, kaedah analisa dokumen dan maklumat digunakan dalam penyelidikan adalah untuk merujuk, mengenalpasti serta memahami tentang industri seni. Beberapa bahan digunakan untuk rujukan adalah kajian literatur, akhbar atas talian serta laman sesawang yang berkait dengan industri seni.

### 7.2 Pendekatan Kajian

Tokoh yang dipilih ialah Dato' Sri Eizlan Yusof yang merupakan seorang pelakon veteran di Malaysia. Beliau dipilih kerana beliau telah lama terlibat dalam industri seni sebagai seorang pelakon. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam menulis skrip serta sebagai pengarah. Sebagai seorang pelakon yang telah terlibat dalam dunia peragaan pada peringkat awalnya, dan seterusnya bergiat dalam pelbagai drama dan filem, beliau pasti mempunyai pengalaman yang boleh dikongsikan semasa temubual. Sedikit latar belakang yang dikonsikan beliau ialah beliau telah dilahirkan pada tahun 1971 di Kuala Lumpur. Beliau pernah memenangi anugerah Pelakon Lelaki Harapan semasa Anugerah Festival Filem Malaysia ke-14. Selain berlakon, beliau juga terlibat dalam bidang perniagaan.

### 7.2 Prosedur Pengumpulan Data

Sepanjang menjalankan kajian, data utama yang diperoleh ialah melalui sumber primer iaitu hasil daripada temubual bersama tokoh. Proses temubual dijalankan dengan menanyakan soalan-

soalan mengenai latar belakang dan pengalaman tokoh dalam industri seni tanah air. Soalan tersebut terbahagi kepada beberapa bahagian dan kesemuanya adalah berkaitan tokoh. Namun, majoriti soalan yang disediakan ialah mengenai kerjaya serta pengalaman tokoh, terutamanya dalam bidang lakonan. Disebabkan beberapa kekangan, tembual tidak dapat dilakukan secara bersemuka. Sebaliknya, temubual dijalankan secara atas talian iaitu dengan menggunakan platform Google Meet. Dengan cara ini, temubual dapat dilakukan dengan mudah.

Selain maklumat langsung daripada tokoh, beberapa bahan informasi sekunder digunakan untuk rujukan seperti berita akhbar atas talian serta laman sesawang yang berkait dengan industri seni. Kaedah analisa dokumen dan maklumat digunakan dalam kajian ini bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang tokoh yang dikaji.

## 8. HASIL KAJIAN

Dalam bahagian ini, akan membincangkan dan menjawab persoalan kajian berdasarkan hasil yang diperolehi melalui temubual bersama Dato Seri' Eizlan Yusof. Terdapat tiga persoalan utama yang disediakan mengenai topik yang dikaji dalam kajian sejarah lisan ini iaitu bagaimana latar belakang tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof, apakah sumbangan Dato' Sri Eizlan Yusof dalam penerbitan filem dan drama TV, dan apakah pencapaian dan cabaran tokoh dalam bidang seni lakonan.

### *8.1 Latar Belakang Tokoh Peribadi Dato' Sri Eizlan Yusof*

Tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof atau nama sebenar beliau, Idris Bin Md Yusof dilahirkan pada 14 Julai 1971 merupakan seorang pelakon dan pengarah filem Malaysia. Beliau mula berkecimpung di dalam dunia perfileman pada tahun 1994 melalui filem 'Kad Cinta'. Semenjak itu, beliau telah terlibat dalam pelbagai filem dan telah melakonkan pelbagai watak. Beliau membesar dengan arwah nenek disebelah ibu beliau dalam lingkungan umur lima tahun. Kemudian, ketika berusia sebelas tahun, ibu dan bapa beliau berpisah maka beliau kembali tinggal bersama nenek sehinggalah pada tahun 1991. Beliau kembali tinggal bersama keluarganya setelah nenek beliau meninggal dunia.

Tokoh mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jalan Temerloh, Kuala Lumpur. Selepas itu, beliau bersekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Vivekananda Brickfields, Kuala Lumpur. Tokoh juga telah melanjutkan pengajian di Federal Institute of Technology (F.I.T) dalam jurusan Diploma Kejuruteraan Elektronik dan jurusan Diploma Pengurusan Perniagaan di Kolej Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur atau sekarang lebih dikenali sebagai UNITAR (United Nations Institute for Training and Research).

Almarhum bapa tokoh iaitu Mohamad Yusof bin Abdullah yang merupakan seorang mualaf dan bekerja sebagai seorang eksekutif chef. Manakala ibu tokoh bernama Ramlah Binti Latif yang merupakan seorang peniaga ketika itu. Tokoh mempunyai lima orang adik-beradik dan beliau ialah anak kedua dalam keluarga. Tokoh pernah mendirikan rumah tangga sebelum bercerai dan kini tokoh berkahwin dengan pasangan barunya Datin Sri Natasha Rosa Boudville, seorang wanita berketurunan Serani pada 12 Disember 2019. Tokoh telah dikurniakan 4 cahaya mata, tiga perempuan dan satu lelaki yang bernama Vie Zaara, Zareef Yusof, Vie Zaalia dan juga Zaelynn Rosa.



Gambar 1: Keluarga Bahagia Dato' Sri Eidzlan Yusof

### *8.2 Penglibatan Dato' Sri Eizlan Yusof sebagai Anak Seni*

Tokoh mula melibatkan diri dalam bidang peragaan fesyen di atas pentas pada tahun 1983 dan juga terlibat sebagai model dalam iklan-iklan televisyen. Beliau menumpukan sepenuh masa dalam bidang lakonan menjelang tahun 1994. Filem pertama lakonan beliau sebagai pelakon pembantu di bawah arahan Allahyarhamah Julie Dahlan ialah filem “Kad Cinta” bersama pelakon utamanya Nasha Aziz dan Hairie Othman serta Badrul Muhayat. Kemudian beliau mendapat tawaran untuk berlakon dalam cerekarama (telefilem) bersama pelakon utama Ruzaidi dan Raja Noor Baizura.

Selepas itu, beliau banyak menerima tawaran berlakon bagi drama bersiri dan filem. Walaupun telah dikenali sebagai pelakon serba boleh dan berkaliber, beliau tidak segan memainkan watak kecil di dalam mana-mana filem. Antara filem yang pernah dibintangi oleh beliau ialah ‘Pontianak Harum Sundal Malam’, ‘Amelia Mawar Berduri’, ‘Pisau Cukur’, ‘Lurah Dendam’, ‘Panas’, ‘Raja Melewar’, ‘Perempuan Melayu Terakhir’, ‘Cinta’, ‘Sepi’. Manakala antara judul drama bersiri yang beliau pernah bintangi ialah drama bersiri ‘Astana Idaman’, ‘Gerak Khas Undercover’, ‘Senduk Swap’ dan ‘Jaguh-jaguh’.

Pengalaman tokoh sebagai pengarah filem bermula pada tahun 2001 apabila beliau diberikan tanggungjawab untuk mengarah babak dalam filem oleh Nahar Akhbar Khan. Tokoh berlakon dalam filem arahan Nahar Akhbar Khan namun dalam satu babak tertentu, beliau diminta untuk mengarah babak tersebut. Peranan tokoh sebagai pengarah dalam filem, telefilem dan drama TV di Malaysia antaranya ialah bagi filem ‘Town Mall’ dan ‘Hanya Namamu Laila’. Bagi telefilem pula ialah ‘Tragedi Balik Kampung’, ‘Mencari Muhammad’, dan ‘Perfect Raya’ beserta drama berjudul ‘Lima Bujang’ yang juga merupakan drama bersiri yang beliau telah arahkan. Kesemua hasil arahan beliau ini mendapat sentuhan dan hasil yang sangat baik meskipun beliau banyak menumpukan kerjayanya sebagai seorang pelakon berbanding sebagai seorang pengarah.

Dari segi sudut pengurusan industri lakonan pula, pada tahun 2004 beliau telah ditawarkan oleh Dato' Ziela Jalil untuk menjadi penerbit eksekutif selama dua belas tahun. Beliau diberikan peranan sebagai penerbit eksekutif dalam beberapa syarikat dan beliau juga pernah menulis skrip lakonan filem. Bakat seni beliau terus berkembang apabila pernah mendapat pencalonan dalam Anugerah Seri Angkasa pada tahun 2005 dan 2006 dalam penulisan skrip. Secara keseluruhannya tokoh telah bergelar sebagai pelakon, dan meneruskan momentum sebagai penulis skrip, sebagai pengarah dan juga sebagai eksekutif pengurusan dalam industri seni kreatif tanah air.

### *8.3 Pencapaian dan Cabaran Tokoh dalam Bidang Seni Lakonan*

Dato Sri Eidzlan berpendapat bahawa pencapaian sebenar seseorang artis ialah apabila artis tersebut sentiasa diingati peminat dan lakonan mereka dihargai. Sebagai penggiat seni bermula dari usia yang agak muda sehingga kini beliau memasuki usia 50-an sudah tentu banyak pencapaian yang

telah beliau perolehi. Jadual 1 di bawah memberikan contoh pencapaian tokoh in dalam bidang seni lakonan.

Jadual 1: Senarai beberapa pencapaian Dato' Sri Eidzlan Yusof

| Bil. | Tahun | Pencapaian                                                                                               |
|------|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | 1998  | "Pembantu Pelakon Lelaki Terbaik Filem" dalam filem "Panas" Anugerah Skrin 1998 di TV3                   |
| 2    | 1999  | Pelakon Lelaki Harapan dalam filem 'Perempuan Melayu Terakhir' di Anugerah Festival Filem Malaysia ke-14 |
| 3    | 2019  | 'Asian Most Promising Actor' di 24th Chunesa Film Awards di Korea Selatan.                               |
| 4    | 2021  | Nona Men's Celebrity Achievement Award - Nona Superhero Award 2021                                       |

Selain anugerah yang diperolehi, tokoh juga pernah mendapat pencalonan akhir bagi Pelakon Pembantu Filem Lelaki Terbaik dalam Festival Filem Malaysia Ke-13, Artis Baru Popular - Anugerah Bintang Popular (1998/99), Pelakon Lelaki Filem Terbaik - Anugerah Skrin TV3, (1999), Pelakon Lelaki Filem Popular - Anugerah Bintang Popular (1999/2000), Pelakon Lelaki Drama Popular - Anugerah Bintang Popular (2000/2001), Skrip Drama Terbaik Ratu Hatiku - Anugerah Seri Angkasa RTM (2005), Skrip Drama Terbaik Igauan Semalam - Anugerah Seri Angkasa RTM (2006), Pelakon Lelaki Drama Terbaik - Anugerah Skrin TV3 (2006), Pelakon Pembantu Lelaki Drama Terbaik - Anugerah Skrin TV3 (2006), Pelakon Pembantu Filem Lelaki Terbaik - Festival Filem Malaysia Ke-21.

Tokoh juga pernah mewakili Malaysia ke 37th Asia Pasific International Film Festival di Taipei (Taiwan)(1998), 'The 'Focus On Asia' - Fukuoka International Film Festival (Japan)(1999), 7th Pyongyang Film Festival Of Non-Aligned & Other Developing Countries (North Korea)(2000), 23rd Chunesa Film Awards (South Korea)(2018).



Gambar 2: Dato' Sri Eidzlan Yusof semasa dinobatkan 'Asian Most Promising Actor' di Korea

Selain itu, beliau juga telah menghadapi pelbagai cabaran sebelum menjadi berjaya seorang pelakon. Antara cabaran yang beliau hadapi ialah mendapat tanggapan sebagai pelakon 'kayu' iaitu pelakon yang agak kaku atau kalut dan tidak pandai memainkan peranan dengan baik. Cabaran lain ialah beliau juga digelar 'artis majalah' dengan maksud harapkan rupa sahaja menarik tetapi tiada bakat berlakon. Ketika ini beliau kerap dipanggil untuk menjadi 'cover boy' (budak muka depan majalah) untuk majalah-majalah hiburan seperti Mangga dan URTV. Walaubagaimana pun, semua itu tidak mematahkan semangat beliau untuk terus maju dalam industri seni. Malah, tanggapan itu telah menjadi pembakar semangat buat beliau untuk membuktikan keupayaan beliau menjadi seorang pelakon yang hebat dan berjaya.

Hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa penganugerahan yang telah beliau capai. Sudah terang lagi bersuluh, beliau layak mendapat semua anugerah itu kerana beliau bukan sahaja merupakan seorang pelakon yang berbakat tetapi beliau juga ibarat inspirasi kepada generasi anak seni yang akan datang untuk terus maju di dalam seni kreatif tanah air. Beliau juga menekankan kepentingan disiplin dalam pelbagai aspek untuk menjadi seorang yang berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

## **9. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, dengan adanya kajian seperti ini, sedikit sebanyak penyelidik telah membantu dalam menambahkan sumber primer tentang tokoh artis ini dalam bidang seni lakonan. Tambahan pula, artis veteran ini merupakan penyumbang terbesar dalam usaha memperkenalkan industri tanah air ke serata dunia. Rumusan yang boleh diambil melalui topik ini ialah perbincangan secara mendalam tentang latar belakang kajian, khususnya pengenalan secara ringkas tentang latar belakang artis veteran iaitu Dato' Sri Eizlan Yusof dan juga sumbangan beliau dalam bidang seni tanah air. Perbincangan dalam topik ini turut mengangkat persoalan mengapa kajian ini diperlukan atau harus dilakukan khususnya dalam bidang perfileman Malaysia, melalui perbincangan pada bahagian pernyataan masalah kajian. Oleh yang demikian, pada bahagian ini secara langsung ia mengangkat kepentingan terhadap kajian ini yang berkaitan dengan bidang pengajian perfileman Malaysia, khususnya karyawan filem Malaysia dan masyarakat tempatan secara umumnya.

## RUJUKAN

- Ahmad Asri, A. Z., & Ismail, M. T. (2019). Penglibatan selebriti dalam politik Malaysia dari 2000-2017. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1 -14.
- Bernama (2021). Eizlan Yusof terajui Skim Wajib Tayang Finas. *Astro Awani*. Diakses pada 17 Mac 2025 dari <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/eizlan-yusof-terajui-skim-wajib-tayang-finas-289753>
- Daud, R. (2020). FINAS impi filem Malaysia tercalon ke Oscar. *Astro Awani*. Diakses pada 17 Mac 2025, dari <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/finas-impi-filem-malaysia-tercalon-ke-oscar-244506>
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). *Seniman*. Kamus Dewan Edisi Keempat. Diakses pada 17 Mac 2025, dari <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seniman>
- Educalingo (2025). Artis. *Educalingo*. Diakses pada 17 Mac 2025, dari <https://educalingo.com/ms/dic-ms/artis>
- Ali, E. & Aula, W. (2021). Sorotan Getaran 2021: Kemelut isu industri kreatif hiburan (perfileman). Diakses pada 17 Mac 2025, dari <https://www.getaran.my/artikel/tara/16744/sorotan-getaran-2021-kemelut-isu-industri-kreatif-hiburan-perfileman>
- Mahmud, F.S. & Mohd Sallehuddin, S. (2021) Artis veteran susut nilai. *Berita Harian Online*. Diakses pada 24 April 2022, dari <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>
- Gempak (2019). Terima anugerah Asian Most Promising Actor, Eizlan Yusof bakal melebarkan sayap ke Korea?. *Astro Awani*. Diakses pada 17 Mac 2025, dari <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/terima-anugerah-asian-most-promising-actor-eizlan-yusof-bakal-melebarkan-sayap-ke-korea-213273>
- Haja Mohaideen, A. R., & Abu Bakar, M. S. (2018). Meneroka permasalahan tenaga modal insan dalam industri filem di Malaysia. *Forum Komunikasi 13 (1)*, 41-56. Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA.
- Haron, N. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 44-58.
- Hisham, H. T. (2015). Cabaran industri Filem Melayu, pandangan penggiat industri dan penonton (Tesis Kedoktoran tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Seow, H.L. (2020). *Sejauhmanakah sejarah lisan (oral history) penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?* Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Suzi (2024). Selesa bersederhana walau status VIP, Datin Sri Sasha bahagia 5 tahun jadi isteri Dato' Sri Eizlan Yusof! *Majalah Nona Online*. Diakses pada 17 Mac 2025, dari <https://www.nona.my/selesa-bersederhana-walau-status-vip-datin-sri-sasha-bahagia-5-tahun-jadi-isteri-dato-sri-eizlan-yusof/>
- Tengku Adrian Ismail (2024). Peningkatan integriti dan profesionalisme dalam industri perfileman Malaysia. *Malaysia Gazette*. Diakses pada 15 April 2025, dari <https://malaysiagazette.com/2024/03/16/peningkatan-integriti-dan-profesionalisme-dalam-industri-perfileman-malaysia/>
- Universiti Kebangsaan Malaysia (2025). *Makmal sejarah lisan*. Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses pada 17 Mac 2025, dari <https://www.ukm.my/sphea/mengenai-kami/kemudahan-2/makmal-sejarah-lisan/#:~:text=Sejarah%20Lisan%20adalah%20merupakan%20suatu,penilai%20mahir%20atau%20ahli%20sejarah.>